

Lima kawasan di Sabah catat bacaan IPU sederhana

Udara di Miri tahap bahaya

KUALA LUMPUR – Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Miri, Sarawak terus merekodkan kualiti udara pada tahap berbahaya dengan bacaan IPU 364 di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri sehingga pukul 6 petang semalam. Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam satu kenyataan berkata, bacaan berbahaya di stesen ILP Miri dan tidak sihat SK Kuala Baram 2 (IPU 271) disebabkan oleh kebakaran belukar tanah gambut berhampiran dengan stesen-stesen kualiti udara.

Mengulas lanjut, JAS berkata, peningkatan bacaan IPU pada tahap sangat tidak sihat di Sri Aman, Sarawak (IPU 253) juga disebabkan kebakaran kecil belukar tanah gambut di beberapa kawasan di Sri Aman selain jerebu merentas sempadan kesan daripada kebakaran di Kali-



KEBAKARAN belukar tanah gambut berhampiran stesen-stesen kualiti udara antara punca bacaan IPU berada pada tahap berbahaya di sekitar Miri, Sarawak.

mantan, Indonesia.

JAS berkata, pihaknya telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti

pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari semasa ke semasa.

Sementara itu, bacaan IPU di lima kawasan di Sabah iaitu Keningau, Kota Kinabalu, Kimanis,

Sandakan dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan berada pada tahap sederhana.

Menurut laman web JAS, bacaan IPU di WP Labuan, 78; Keningau, 66; Kota Kinabalu, 60; Kimanis, 58, dan Sandakan, 54.

Sementara daerah Tawau berada pada tahap yang baik iaitu 33.

Bacaan IPU antara 0 dan 50 dikategorikan sebagai baik, 51 hingga 100, sederhana; 101 ke 200, tidak sihat; 201 hingga 300, sangat tidak sihat dan 300 ke atas adalah bahaya.

Orang awam boleh merujuk laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar, MyIPU di Google Play bagi mendapatkan bacaan IPU terkini pada setiap jam. – Bernama

INFO Bacaan IPU terkini

Tahap Bahaya

- ILP Miri, Sarawak (364)

Tahap Sangat Tidak Sihat

- Sekolah Kebangsaan Kuala Baram 2, Sarawak (271)
- Sri Aman, Sarawak (253)

Tahap Tidak Sihat

- Miri, Sarawak (131)

Tahap Sederhana

- Johan Setia Klang, Selangor (91)
- Wilayah Persekutuan Labuan (78)
- Temerloh, Pahang (76)
- Kuching, Sarawak (74)
- Seberang Jaya, Pulau Pinang (68)
- Keningau, Sabah (66)
- Kuala Terengganu, Terengganu (62)
- Tanjung Malim, Perak (58)
- Kota Bharu, Kelantan (55)
- Kota Tinggi, Johor (51)

Tahap Baik

- Tanah Merah, Kelantan (42)
- Tawau, Sabah (33)